

LAMEGA suntik semangat ke IPT

UB 19.8.2018 A9

PERSATUAN Siswazah Sabah (PSS) menganjurkan program Lambaian Menara Gading (LAMEGA) di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu.

Program itu yang

diadakan selama sehari, disertai hampir 100 pelajar Pra-U dan bakal mahasiswa yang akan memasuki universiti sekitar September depan.


Program itu bertujuan menyuntik semangat

peserta untuk bersemangat menyusun langkah agar mencapai cita-cita melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Selain itu, program juga sebagai satu inisiatif PSS mendedahkan bagaimana



BARISAN panel Forum Dunia Universiti - Fantasi atau Realiti.



SESI bergambar bersama peserta LAMEGA PSS.

menjadi seorang mahasiswa yang mempunyai jati diri unggul, bermotivasi serta mengetahui bagaimana suasana dan cabaran semasa dalam tempoh pengajian nanti.

Pengarah Program Muhammad Siddiq Bakri memberitahu program itu memberi pencerahan dan sinar kepada peserta agar

mencapai cita-cita adalah bukan satu perkara yang mustahil.

Program itu turut menampilkan Presiden PSS Hasmadi Hasbi di samping motivator terkenal Mohamad Solhi Mohd Sharif dan Hendri Hamsah. Ia turut menampilkan mahasiswa Tahun 3 UMS Wahyuni Wahid.

Dalam seminar itu, peserta dihidangkan dengan pengisian high-impact seperti 'From Zero to Hero', Bina Jati Diri serta forum perbincangan perihal gambaran dan suasana berada di menara gading.

Seorang peserta, Wan Mohamad Norizwan Mohamad melahirkan rasa teruja dan berharap

program seperti itu dapat diteruskan lagi di masa akan datang.

"Saya dan rakan-rakan cukup gembira dapat hadir ke program seperti ini kerana sangat bermanfaat dan pengisian yang diberikan amat bermakna bagi kami di masa hadapan nanti," katanya.